



**1. KETUA PEMBANTU TEKNIK  
JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PERDANA MENTERI  
C.3-4 EB.5 (\$1,990 - \$2,970)  
KEKOSONGAN=03**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HND) atau sebanding dalam Bidang Kejuruteraan Elektrik / Elektronik / Mekanik atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Perkhidmatan Elektrik sebagai Pembantu Teknik Kanan, Merinyu Pemasangan, Merinyu Meter Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 5 tahun dan mengerjakan salah satu tugas berikut:-
- i. Penyediaan kerja-kerja mengawasi dan memelihara sistem Penghantaran 66KV.
  - ii. Sistem pembahagian LV dan 11Kv, termasuk 'switching & operation' Sistem Janakuasa Elektrik.
  - iii. Sistem pemasangan jentera 'standby generators'.
  - iv. Sistem Janakuasa Elektrik.



## ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan sebagai Pembantu Teknik Kanan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.2 tidak kurang dari 4 tahun atau C.1 tidak kurang dari 6 tahun.
- 2. Mempunyai pengalaman kerja yang luas dan terbukti dalam kerja-kerja kejuruteraan elektrik/mekanik atau yang sebanding dengannya adalah kelebihan.

## TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB KETUA PEMBANTU TEKNIK:

- 1. Membantu Jurutera dalam kerja-kerja pemeliharaan pembedahan dan rawatan kuasa elektrik.
- 2. Merancang menyusun dan melaksanakan tambahan pembekalan dan pemeliharaan bekalan elektrik mengikut keutamaan.
- 3. Membuat operasi *switching* 11KV dan 66KV apabila diarahkan oleh Jurutera pengawas.
- 4. Bertugas sebagai ‘duty officer’ di masa-masa panggilan kecemasan dan menghadiri kerosakan-kerosakan.
- 5. Mengawasi kakitangan bawahan termasuk pengawasan kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor-kontraktor.
- 6. Pemohon-pemohon yang berjaya mestilah bersedia untuk bertugas di mana-mana Daerah, Bahagian dan Cawangan Jabatan Perkhidmatan Elektrik.